

KEPERCAYAAN, ADAT BUDAYA DAN AMALAN KEAGAMAAN ORANG ASLI KANAQ DI KOTA TINGGI, JOHOR
BELIEFS, CULTURAL CUSTOMS AND RELIGIOUS PRACTICES OF ORANG ASLI KANAQ IN KOTA TINGGI, JOHOR

Norhafizah Ahmad*, Siti Marpuah, Abd Shakor Borham, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari, Intan Farhana Saparudin, Nur Zainatul Nadra Zainol^a, Muhammad Masruri, Shah Rul Anuar Nordin, Nik Kamal Wan Muhammed

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

*Corresponding author nrhafizah@uthm.edu.my

Received: 1st February 2022

Received in revised form: 15th May 2022

Accepted: 15th June 2022

Published: 1st December 2022

Abstrak

Orang asli Kanaq merupakan suku kaum yang mengamalkan animisme sejak dahulu lagi. Pertukaran fahaman animisme kepada agama Islam menyebabkan berlakunya perubahan dari sudut kepercayaan, adat budaya dan amalan keagamaan dalam kalangan orang asli Kanaq. Kajian lepas banyak membincangkan tentang sejarah dan latar belakang orang asli Kanaq, namun kepercayaan, adat budaya dan amalan keagamaan masih lagi belum dikaji secara menyeluruh. Oleh itu, praktis agama Islam memerlukan bimbingan agar ia bukan sekadar ikut-ikutan tetapi berdasarkan kefahaman yang jelas tentang agama Islam. Justeru, objektif penulisan ini adalah untuk membincangkan kepercayaan, adat budaya dan amalan keagamaan dalam kalangan orang asli Kanaq di Kampung Sungai Selangi, Kota Tinggi, Johor. Kajian dilakukan secara kajian lapangan melalui temu bual dengan individu penting di penempatan tersebut dan juga berdasarkan analisis dokumen. Kajian mendapati agama Islam telah mempengaruhi cara hidup dalam kalangan masyarakat orang asli Kanaq di Kota Tinggi, Johor. Perkembangan agama Islam telah mengubah konsep ketuhanan dalam kalangan orang asli Kanaq dan menyebabkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kelahiran, perkahwinan dan kematian berubah daripada kepercayaan asal kepada ritual berdasarkan Islam. Malah amalan ritual seperti sembahyang, berpuasa, zakat dan perayaan-perayaan agama turut dipraktikkan mengikut ajaran Islam secara meluas.

Kata kunci: Kepercayaan, adat budaya, agama, orang asli Kanaq, Johor

Abstract

The indigenous people of Kanaq are a tribe that practiced animism since ancient times. The change from animism to Islam led to changes in terms of beliefs, cultural customs and religious practices among the Kanaq indigenous people. Previous studies have discussed a lot about the history and background of the Kanaq indigenous people, but their beliefs, cultural customs and religious practices have yet to be thoroughly studied. Therefore, the practice of Islam requires guidance so that it is not just following along but based on a clear understanding of Islam. Therefore, the objective of this writing is to discuss beliefs, cultural customs and religious practices among the Kanaq indigenous people in Kampung Sungai Selangi, Kota Tinggi, Johor. The study was conducted by field study through interviews with important individuals in the placement and also based on document analysis. The study found that Islam has influenced the way of life among the Kanaq indigenous community in Kota Tinggi, Johor. The development of Islam has changed the concept of divinity among the Kanaq natives and caused matters related to birth, marriage and death to change from the original beliefs to rituals based on Islam. Even ritual practices such as prayer, fasting, zakat and religious festivals are also widely practiced according to Islam.

Keywords: Beliefs, cultural customs, religion, orang asli Kanaq, Johor

© 2022 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Kepercayaan terhadap agama atau pegangan merupakan salah satu keperluan dalam kehidupan. Bagi masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia, mereka telah pun didedahkan dengan sistem kepercayaan tertentu yang menjadi pegangan dalam kehidupan mereka (Mohd Nizam, 2001). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2019), kepercayaan bermaksud keyakinan atau akuan akan benar ada dan berlakunya sesuatu. Ia berkait rapat dengan soal keimanan dan iktikad seseorang. Dalam bahasa Arab, kepercayaan diterjemahkan daripada perkataan al-mu'taqidat yang merupakan suatu bentuk pegangan yang tidak ada keraguan dalam kepercayaannya (Ibrahim et al, 2008). Menurut Syed Muhammad Naquib (1977), kepercayaan juga didefinisikan sebagai suatu kuasa di sebalik pemikiran dan idea seseorang. Gabungan keduanya iaitu kepercayaan dan pemikiran akan melahirkan kebenaran yang nyata (Harun, 1973).

Kepercayaan ini juga merupakan sistem yang dipegang sebagai falsafah dalam kehidupan orang asli selain daripada sistem mitos, adat, sistem kosmologi dan juga pantang larang. Orang asli atau orang asal yang dikenali juga sebagai masyarakat peribumi mempunyai

susur galur dengan zaman Paleolitik dan Mesolitik yang menekankan hubungan mesra dengan alam semesta. Kehidupan yang harmoni antara manusia dengan alam semesta merupakan kunci kesejahteraan dan kebahagiaan. Oleh itu, pengamalan dan tingkah laku mereka banyak dipengaruhi oleh alam sekitar sehingga membentuk hukum-hukum yang perlu dipatuhi dalam menjalin hubungan dengan alam sekitar. Umumnya, masyarakat orang asli telah sebatian dengan persekitaran alam semula jadi serta mempunyai pengetahuan tradisi yang diturunkan dari nenek moyang yang dipraktikkan sehingga ke hari ini bagi menjamin kelangsungan kehidupan mereka. Justeru, *world view* kalangan masyarakat orang asli membuktikan golongan ini telah dipasakkan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kepercayaan, adat resam, budaya dan cara hidup yang amat unik serta tersendiri dalam interaksi mereka dengan alam sekitar (Haliza, 2018).

Orang asli Kanaq yang merupakan satu-satunya suku orang asli terkecil di dunia menjadi tumpuan ramai pengkaji sama ada dalam bidang etnografi, ekonomi, pendidikan, perubatan tradisional dan sebagainya. Namun, penulisan ini memberi tumpuan kepada agama, adat budaya dan pantang larang yang diamalkan oleh orang asli Kanaq sejak turun temurun serta perubahan yang berlaku sejak mereka mula mengamalkan ajaran Islam.

■ 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Data kajian dikumpulkan melalui kaedah temu bual mendalam dalam bentuk temu bual separa struktur sebagai instrumen kajian. Dalam proses ini, pengkaji menemu bual empat orang informan kajian. Peserta kajian terdiri daripada seorang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang ditempatkan di penempatan orang asli Kanaq dan tiga penduduk orang asli Kanaq di Kampung Sungai Selangi, Mawai, Kota Tinggi, Johor. Pemilihan sampel dalam kajian ini dipilih secara bertujuan iaitu *purposive sampling*. Antara ciri pemilihan sampel kajian ialah orang asli Kanaq yang beragama Islam dan menetap di Kampung Sungai Selangi, Mawai, Kota Tinggi, Johor. Proses penganalisan data dilakukan dengan menyusun dapatan kajian mengikut tema dan bahagian yang telah dibina bagi tujuan kajian, kemudian data dianalisis secara deskriptif.

■ 3.0 SEJARAH ORANG ASLI KANAQ

Masyarakat orang asli atau orang asal adalah sebahagian penduduk di Malaysia yang juga merupakan masyarakat peribumi iaitu penduduk asal di negara ini (Tarmiji et al., 2013 & Hood Salleh, 2006). Penggunaan istilah orang asli adalah bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Malaysia yang berbeza dengan masyarakat bumiputera iaitu orang Melayu serta suku kaum di Sabah dan Sarawak. Terdapat 18 suku orang asli di Malaysia dengan 3 suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Suku kaum Kanaq termasuk dalam kategori Melayu Proto selain dari suku Temuan, Semelai, Jakun, Orang Seletar dan Orang Kuala yang turut berada dalam kategori ini. Orang Seletar, Duano (Kuala) dan Kanaq adalah 3 suku Orang Laut yang boleh didapati di Malaysia (lebih banyak sub suku Orang Laut atau Orang Selat boleh ditemui di Kepulauan Riau, Indonesia). Ketiga-tiga suku ini telah digabungkan dengan suku Jakun dan Temuan sebagai kumpulan Melayu Proto (salah satu daripada tiga kumpulan orang asli semenanjung yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia). Sama seperti Orang Laut, orang Jakun dan Temuan juga merupakan sub-etnik Melayu Lama tetapi mereka tinggal di darat. Mereka dikenali sebagai Orang Darat (Maryam Syafiqha et al., 2018). Orang Seletar, Orang Kuala dan Orang Kanaq dikenali sebagai Orang Laut.

Negrito	Senoi	Melayu Proto
Kensiu	Temiar	Temuan
Kintaq	Semai	Jakun
Jahai	Jah Hut	Semelai
Mendriq	Che Wong	Orang Kuala
Bateq	Semoq Beri	Orang Seletar
Lanoh	Mah Meri	Orang Kanaq

Jadual 1 : Suku Kaum Orang
Sumber: Laman Web Jabatan

Asli di Semenanjung Malaysia
Kemajuan Orang Asli (2022)

Orang asli Kanaq berasal daripada kumpulan suku bangsa Melayu Proto yang menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Kanaq dan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Shahidi et al., 2018). Orang asli Kanaq mempunyai jumlah kependudukan yang paling kecil di dunia dan hanya satu perkampungan sahaja yang wujud pada saat ini dengan jumlah penduduk dalam lingkungan 86 orang (JAKOA Kota Tinggi, 2020). Pada masa kini orang asli Kanaq merupakan kumpulan etnik terkecil di antara keseluruhan penduduk Malaysia dan juga yang terkecil daripada semua suku orang asli. Mereka hanya terdapat di Kota Tinggi, Johor (Mahani, 2011). Disebabkan itu orang asli Kanaq mempunyai keistimewaan dengan gelaran mereka 'satu-satunya di dunia' kerana hanya kelompok ini sahaja yang masih wujud dan bertahan dari generasi ke generasi dalam keadaan penambahan penduduk yang tidak begitu memberangsangkan.

Sebutan perkataan 'Kanaq' seharusnya dibunyikan sebagai [qanaq] dan bukannya [kanaq]. Walau bagaimanapun, beberapa informan kajian menjelaskan bahawa perkataan Kanaq hanya merujuk kepada nama suku kaum dan tidak membawa sebarang makna lain. Berdasarkan catatan nama rasmi yang digunakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi suku kaum orang asli ini ialah orang

Kanaq. Hunt (1952) menggunakan ejaan orang Kanaq secara konsisten. Carey (1976) pula menggunakan istilah orang Kanak, manakala Omar (1978) menggunakan istilah Kanaq [kanaq]. Selain itu Sopher (1965) menggunakan istilah ‘Sekanak’ yang merujuk kepada satu suku Laut yang tinggal di Kepulauan Riau kerana meyakini bahawa suku orang Laut Sekanak adalah nenek moyang suku Kanaq yang ditemui di Kota Tinggi, Johor. Sumber lisan orang asli Kanaq pula menyebutkan mereka berasal dari Riau dan berhijrah ke selatan Semenanjung Tanah Melayu kira-kira dua ratus tahun dahulu (Omar, 1978). Walau bagaimanapun, sumber-sumber tersebut gagal memberikan gambaran yang lebih tepat tentang kedudukan tempat asal yang sebenar. Secara konsisten beberapa informan warga emas menyatakan bahawa Riau yang dimaksudkan ialah Kepulauan Riau seperti yang disebut oleh datuk dan nenek mereka (Mohd Sharifudin, 2011).

Orang asli Kanaq pada masa kini mendiami kawasan pinggir Kampung Sungai Selangi, Mawai, mukim Sedili Besar, Daerah Kota Tinggi, Johor dan penempatan mereka adalah berpusat di sini sahaja (Suhaila, 2020). Lokasi penempatan orang asli Kanaq ini adalah semenjak tahun 1962, setelah pihak kerajaan mewartakan kawasan tersebut sebagai rizab khusus untuk mereka (Mahani, 2011).

■ 4.0 DAPATAN KAJIAN

Kepercayaan Orang Asli Kanaq

Masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia adalah manusia beragama dalam erti kata mempunyai kepercayaan terhadap sesuatu kuasa tertinggi atau kuasa ghaib dan menjadi pegangan dalam kehidupan mereka. Di samping itu, masyarakat orang asli juga mempunyai pemikiran dan persepsi berhubung perkara yang berkaitan keagamaan dan kepercayaan (Mohd Nizam, 2001).

Kebanyakan orang asli menganut fahaman animisme dan percaya kepada ‘semangat’. Menurut Ahmad Mukhtar (2008), animisme dalam bahasa Arab iaitu (الروحانية) atau (الإحيائية) adalah istilah dalam bidang antropologi yang merujuk kepada kepercayaan manusia purba atau primitif (Graham, 2006). Ahli antropologi bersetakat bahawa definisi animisme menurut etimologi berasal daripada ‘*animaus*’ atau ‘*anima*’ dalam bahasa Latin yang bermaksud jiwa, roh atau kehidupan (Edward, 1871). Orang yang mempercayai animisme digelar sebagai ‘animis’. Manakala ‘Abd al-Wahhab al-Masiri (2006) dalam bukunya *Mawsu’at al-Yahud* menyatakan istilah-istilah lain bagi animisme iaitu (أنيميزم) (حيوية المادة) (حيوية) dan (المبدأ), merujuk kepada kepercayaan yang menganggap alam ini mempunyai pelbagai roh yang tersimpan dalam sesuatu yang nyata atau ghaib dan mampu mempengaruhi kehidupan manusia.

Namun, perkembangan mutakhir terhadap corak kehidupan masyarakat ini telah mengalami perubahan. Mereka sudah mula menerima agama Islam, Kristian, Bahai dan Buddha sebagai pegangan hidup (Mohamad Mohadis, 2005). Perubahan sosial dan agama yang berlaku dalam kalangan masyarakat orang asli menyebabkan pelbagai agama-agama besar dunia telah meresap masuk ke dalam masyarakat orang asli dan diterima secara terbuka oleh mereka. Agama Islam dan Kristian adalah antara agama-agama yang menjadi pilihan anutan orang asli (Mohd Nizam, 2001). Masyarakat orang asli yang menganut agama tertentu sama ada agama Islam, Kristian, Bahai dan Buddha merupakan golongan yang telah didatangi oleh penyebar-penyebar agama atau terpengaruh dengan cara hidup masyarakat sekeliling perkampungan mereka. Manakala golongan yang menganut animisme pula adalah mereka yang mewarisinya dari satu generasi ke generasi (Razaleigh, 2003). Sejak menerima Islam sebagai pegangan, corak kehidupan masyarakat orang asli di negara ini telah mula berubah. Mereka telah mula meninggalkan pegangan animisme yang diwarisi sejak turun temurun (Asmadi & Ramlan, 2020).

Agama	Bilangan
Animisme	5,603
Islam	5,358
Kristian	429
Buddha	312
Bahai	0
Hindu	29
Agama Suku Adat	364
Tiada Agama	973
Lain-lain	71
Jumlah	13,139

Jadual 2: Komposisi Agama Masyarakat Orang Asli di Johor

Sumber: Laman Web Jabatan Kemajuan Orang Asli (2018)

Bagi orang asli Kanaq, mereka masih lagi mengamalkan kepercayaan terhadap binatang tertentu iaitu anjing atau ‘koyok’. Mereka percaya bahawa anjing memainkan peranan yang sangat penting sebagai penjaga dan pelindung sehingga sanggup menyelamatkan anjing daripada ditembak atau diburu oleh ahli Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Selain itu, orang asli Kanaq juga percaya kepada wujudnya kuasa ghaib seperti matahari. Dalam temu bual bersama Zuriati dan Noraini (2019) ada menyebut mengenai perkara ini:

“Diorang animisme, percaya kepada kuasa-kuasa macam tu la Ha.. Masih.. Dia percaya pada matahari”.

“Cuma sini, anjing tu lah dia masih percaya lagi boleh jaga dia, ha memang dia kutip anjing tu. Anjing tu boleh jaga rumah dia, jaga dia. Ha. Maksudnya kita dah, dah tembak, dah panggil er RELA semua.. (Dah buat lah) Dia sanggup bawak lari anjing dia. Ha sebab (Haah.. Sebab dia rasa boleh melindungi kan..) anjing tu boleh lindung dia.. Ha.. (Boleh melindungi) Sampai sekarang tu tak boleh”.

Adat Budaya Orang Asli Kanaq

Orang asli Kanaq memiliki adat budaya yang sedikit berbeza dengan orang asli lain disebabkan oleh asal budaya yang berbeza. Namun, arus kemajuan zaman moden telah mempengaruhi perubahan adat budaya mereka terutama setelah mereka menganuti agama Islam. Sebelum beragama Islam, orang asli Kanaq berpegang kepada adat budaya animisme dan dinamisme terutamanya dalam hal pantang larang seperti pantang larang dalam perkahwinan, menyambut kelahiran anak serta menguruskan kematian. Walaupun telah mengikuti ajaran Islam, masih terdapat amalan-amalan lama yang masih dilakukan (Siti Marpuah et al., 2021).

1. Adat Menyambut Kelahiran

Sebelum menyambut kelahiran anak, terdapat pantang larang yang harus diikuti oleh suami dan isteri yang sedang mengandung. Di antara pantang larang tersebut adalah (Suhaila, 2020):

- Suami dan isteri tidak boleh pergi jauh dari rumah mereka, dikhuatiri akan terjadi sesuatu apabila pergi jauh dari rumah mereka seperti keguguran atau musibah.
- Tidak boleh memakan ikan yang dituba dengan racun, dikhuatiri dapat menyebabkan kecacatan kepada anak kerana kesan daripada racun tersebut.
- Tidak boleh membunuh atau mencederakan binatang, dikhuatiri anak yang dilahirkan akan menyerupai binatang yang dcederakan tadi.
- Tidak melihat orang lain bersalin, ditakuti kandungan akan keguguran.
- Tidak memahat dan memaku sebarang alat pertukangan kerana dikhuatiri anak yang dikandung akan cacat seperti alat yang dipahat atau dipakunya tadi.
- Tidak membuang air kecil secara mencangkung kerana ditakuti anak yang dilahirkan tidak cukup umur.
- Tidak membawa beras atau memakan sayur cekur manis ditakuti anak yang dikandung akan dilahirkan tidak cukup umur.
- Suami dan isteri dilarang memakan daging rusa dan kijang.

Kebiasaannya suami akan terus memberitahu jiran tetangga apabila isterinya hendak bersalin. Sudah menjadi kelaziman bagi kaum wanita mengunjungi isteri untuk memberikan pertolongan setakat yang mampu. Orang asli Kanaq tidak suka jika pelawat-pelawat yang datang berkunjung memuji-memuji akan kecantikan tubuh badan si anak yang baru lahir kerana dipercayai sekiranya seseorang bayi dipuji-puji dengan kata-kata seperti “amboi, comelnya bayi ini”, maka hantu-hantu yang berdekatan akan mendengar dan mengambil bayi itu. Keadaan ini terbukti apabila bayi itu sakit, demam dan sebagainya.

Selain itu adat budaya serta pantang larang yang biasa diamalkan orang asli Kanaq setelah melahirkan anak adalah (Suhaila, 2020):

- Tidak memakan benda-benda masam seperti jeruk, ikan keli dan udang ditakuti akan menyebabkan berlakunya pendarahan kepada ibu yang baru bersalin.
- Ibu yang baru bersalin dilarang untuk mandi selama tiga hari berturut-turut, ditakuti akan menyebabkan bentan.

Seiring dengan kemajuan zaman dan bertukarnya generasi lama kepada generasi yang baharu serta kesan positif daripada ajaran Islam yang telah dianuti, adat dan pantang larang ini semakin lama semakin kurang diamalkan oleh orang asli Kanaq. Penduduk orang asli sejak dahulu lagi mengamalkan minuman sejenis herba yang boleh diperolehi di Hutan Panti, Kota Tinggi iaitu tumbuhan ‘jarak anak’. Bagi Radiah (2019), yang merupakan seorang wanita daripada suku Kanaq, beliau mengakui wanita dalam kalangan etnik itu minum minuman herba yang direbus daripada pokok ‘jarak anak’ sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Faktor kemiskinan, tidak mempunyai daya saing dan motivasi diri untuk memajukan diri menyebabkan orang asli Kanaq memilih untuk mencegah kehamilan dengan cara meminum herba pokok ‘jarak anak’, mengambil pil perancang atau mengambil suntikan pencegah kehamilan. Malah, faktor ekonomi orang asli Kanaq yang berada dalam tahap kekurangan juga menyebabkan tiada kanak-kanak daripada kalangan orang asli Kanaq yang melaksanakan akikah walaupun dilahirkan dalam agama Islam. Kini, setiap bayi yang lahir akan terus didaftarkan ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan dibantu oleh pihak JAKOA.

2. Adat Perkahwinan

Lazimnya sebelum majlis perkahwinan dilaksanakan, pihak calon pengantin lelaki akan memberi hantaran atau serahan berupa kacang hijau kepada calon pengantin perempuan bertujuan supaya dipermudahkan majlis perkahwinan dan mendapat keturunan yang ramai. Namun setelah menganuti agama Islam, budaya ini sudah berkurangan dan hanya beberapa individu sahaja yang masih mengamalkan budaya ini.

Hasil temu bual yang dijalankan juga mendapati bahawa sejak orang asli Kanaq menganut agama Islam, mereka akan melaksanakan proses perkahwinan di Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi yang diuruskan oleh Ustaz Ramadhan. Beliau telah mendapat tauliah dari Jabatan Agama Negeri Johor (JAINJ) dan berperanan membantu menyediakan semua keperluan untuk urusan perkahwinan termasuklah mengisi borang, menerangkan tentang bayaran mas kahwin dan sebagainya. Bahkan apabila ada orang luar yang bukan Islam ingin berkahwin dengan orang asli Kanaq, contohnya orang Cina, maka Ustaz Ramadhan juga akan membantu dalam proses pengislamannya serta perkahwinannya (Zuriati, 2019).

Selain itu, pihak pejabat agama juga akan membantu sepenuhnya dalam majlis perkahwinan tersebut dan selepas berkahwin diharapkan orang asli Kanaq dapat menguruskan keluarga barunya. Oleh sebab itu, orang asli Kanaq digalakkan untuk berkahwin dengan orang luar supaya orang luar tersebut dapat membimbing dan membawa mereka berhijrah kepada kehidupan yang lebih baik terutamanya dalam beragama. Menurut Ustaz Ramadhan (2020), apabila orang asli Kanaq ini menikah dengan orang luar dan pasangan itu menetap di

kampung tersebut, maka mereka akan terpengaruh dengan suasana di situ meskipun berkahwin dengan orang Melayu. Justeru, pasangan yang berkahwin digalakkan untuk berhijrah ke luar supaya cara hidup dan pemikiran mereka semakin berkembang. Apabila individu orang asli berkahwin dengan orang luar, anak mereka tetap diiktiraf sebagai orang asli Kanaq. Ini merupakan suatu pengiktirafan yang istimewa apabila salah seorang daripada mereka adalah orang asli, maka anak yang dilahirkan adalah tetap dianggap sebagai orang asli Kanaq.

Setelah menganut agama Islam, orang asli Kanaq juga akan mengikuti kursus pra perkahwinan. Namun bagi yang bermasalah, contohnya mengandung sebelum menikah, maka mereka tidak perlu mengikuti kursus pra perkahwinan tetapi pihak pejabat agama akan menulis surat kepada kadi untuk pengecualian yang bersebab. Terdapat juga sebahagian daripada mereka yang tidak mahu mengikuti kursus perkahwinan disebabkan tidak mampu membayar yuran kursus perkahwinan sebanyak RM 120. Namun untuk mas kahwin, mereka wajib menyediakan sendiri iaitu sebanyak RM 22.50 sahaja bagi negeri Johor.

Menurut Ustaz Ramadhan, orang asli Kanaq ini cukup bertuah kerana yang menjadi jurunika dan menguruskan semua urusan pernikahan adalah beliau sendiri dan tidak melibatkan jabatan lain. Ustaz Ramadhan sangat memahami kehidupan orang asli Kanaq terutama berkaitan dengan perkahwinan. Orang asli Kanaq tidak boleh terlalu dipaksa untuk melaksanakan perkahwinan menurut ajaran Islam sepenuhnya kerana mereka masih lemah imannya. Jadi perlu beransur-ansur dalam mempraktikkan ajaran Islam. Dikhuatiri mereka akan berkahwin mengikut adat seandainya dipaksa sepenuhnya mengikuti Islam dengan mengambil kira perkara-perkara penting dan wajib sahaja iaitu mencukupi syarat dan rukun nikah.

Ustaz Ramadhan juga berperanan memberikan penerangan tentang masalah rumahtangga, perceraian, dan kematian kepada orang asli Kanaq. Perkara ini mempengaruhi kadar perceraian yang sedikit dalam kalangan orang asli Kanaq iaitu hanya 0.1%. Biasanya jarang berlaku perceraian bagi perkahwinan di antara orang asli dengan orang asli berbanding apabila orang asli berkahwin dengan orang Melayu. Orang asli terkenal dengan sifat setia kerana itulah jarang terjadi perceraian. Apabila suaminya meninggal, mereka jarang menikah lagi atau seandainya menikah, mereka akan menikah dengan orang asli lain bukan daripada suku kaum orang asli Kanaq. Orang asli Kanaq juga tidak mengamalkan poligami. Orang asli Kanaq yang menikah sebelum masuk Islam hanya perlu mendaftarkan perkahwinannya dan tidak perlu untuk melafazkan ijab kabul lagi, ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan pendaftaran perkahwinan mereka.

3. Adat Mengurus Kematian

Apabila salah seorang daripada orang asli Kanaq meninggal dunia, maka terdapat beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi seperti (Suhaila, 2020):

- Liang kubur hanya boleh digali dengan menggunakan parang sahaja dan tidak boleh menggunakan peralatan lain. Ini kerana mengikut kepercayaan mereka, jika alat lain digunakan seperti cangkul dan sebagainya, maka hantu tanah akan marah, bertindak ganas dan akan membawa bencana buruk kepada mereka.
- Mayat si mati akan dimandikan dan dibersihkan terlebih dahulu, kemudian dibalut dengan kain putih dan dikebumikan bersama-sama barang bekalan seperti tempurung berisi beras dan air supaya roh si mati tidak lapar.

Adat budaya pengurusan kematian seperti ini dilakukan oleh orang asli Kanaq sehinggalah mereka menganut agama Islam. Sekiranya terdapat kematian dalam kalangan orang asli Kanaq, jenazah akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Pejabat Agama Islam Daerah termasuklah proses memandikan, mengkafani dan mengadakan solat jenazah. Kemudian, jenazah akan dikebumikan di tanah perkuburan FELCRA berdekatan. Majlis bacaan Yasin dan Tahليل turut diadakan di surau kampung tersebut seperti yang dijelaskan oleh Zuriati dan Noraini (2019) dalam temu bual di Kampung Sungai Selangi:

“Ha menguruskan Pejabat Agama. Ha ya ya. Dia akan call dan kita akan uruskan, dan kita akan berhubung dengan.. Kalau kebajikan jenazah ni, FELCRA (Ha?)”.

Amalan Keagamaan Orang Asli Kanaq

Sejarah pengislaman masyarakat orang asli Kanaq telah dilakukan secara rasmi oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bermula sejak tahun 1994 apabila pegawai-pegawai daripada JAINJ pada ketika itu mengadakan aktiviti dakwah orang asli di Kampung Sungai Selangi, Kota Tinggi Johor (Norhafizah & Abd Shakor, 2021). Kejayaan ulung yang dicapai dalam program dakwah masyarakat orang asli Kanaq ialah pengislaman secara beramai-ramai yang dijalankan bersama oleh Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selepas usaha dakwah secara konsisten serta pemantauan berterusan (JAKOA, t.t). Masyarakat orang asli Kanaq telah diberi pendedahan awal tentang Islam serta keistimewaan Islam yang akhirnya menarik minat beberapa buah keluarga untuk memeluk Islam. Pada awalnya, terdapat segelintir masyarakat orang asli Kanaq yang masih ragu-ragu untuk memeluk Islam. Namun, selepas diberikan penjelasan lanjut tentang Islam oleh pegawai-pegawai agama, peristiwa pengislaman masyarakat orang asli di kampung sekitar dan persetujuan majoriti penduduk orang asli Kampung Sungai Selangi yang diketuai oleh Tok Batin telah membuatkan kesemua masyarakat orang asli Kanaq bersetuju untuk memeluk Islam secara beramai-ramai bersama ahli keluarga masing-masing (Zuriati, 2019).

“Masa pengalaman saya lah kalau sini, dulu ustaz datang.. Pihak JAKOA.. Kita bagi dia macam ada satu buat program.. Ha tentang err (Nak Islam lah) contohnya Islam.. Cara.. (Penerangan.. Penerangan) Penerangan ha.. (Oh..) Lepas tu err.. Dalam tu dia memang dia ada yang berapa keluarga.. Ha dia cakap.. Err cikgu, boleh cikgu. Kita masuk Islam, cikgu.. Ha dari situ ada berapa keluarga tu, kita akan maklum dengan pejabat, pejabat kata okay diorang semua boleh terima satu kampung ha tu babak dia”.

Peristiwa pengislaman orang asli Kanaq telah berlaku di Kampung Kempas Semangar, Kota Tinggi, Johor di mana pada masa itu, orang asli Kanaq menaiki lori secara beramai-ramai dengan perasaan yang sangat teruja dan gembira ke kampung tersebut. JAINJ mengambil inisiatif melaksanakan pengislaman di kampung tersebut yang juga merupakan kampung orang asli bagi memudahkan urusan dengan menggabungkan urusan pengislaman bagi penduduk kedua-dua buah kampung orang asli tersebut. Selepas itu, pihak Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Johor turut hadir untuk mendaftarkan agama Islam di dalam Kad Pengenalan mereka (Zuriati, 2019). Ini disokong dalam temu bual yang menyebutkan:

“Boleh terima maksudnya dia nak semua anak-anak dia semua masuk. Pastu dia masuk Pejabat Agama bawak diorang naik lori, naik truck ramai-ramai dengan saya.. (Ha.. Ha) Seronoklah waktu tu.. (Oh sukalah (Ketawa) Tak pernah naik..) Bila masuk Islam dekat Kampung..Kempas Semangar.. (Oh.. Bestnya..) Haa diorang berkumpul kat sana”.

Usaha dakwah turut dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang memberi penekanan terhadap asas-asas agama Islam iaitu rukun iman, rukun Islam, bersuci, menutup aurat dan lain-lain melalui Penggerak Masyarakat Orang Asli. Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menyediakan seorang tenaga pengajar secara sepenuh masa yang dikendalikan oleh Ustaz Najib bin Miskam daripada unit dakwah dan ukhawah, JAINJ. Kelas agama telah diadakan sebanyak empat kali dalam sebulan (Noraini, 2019). Pada tahun 1998, JHEOA telah membina sebuah surau bagi memudahkan penduduk orang asli Kanaq menjalankan kegiatan keagamaan. Selain itu, kelas agama turut dijalankan dua kali seminggu dengan tenaga pengajar daripada Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi. Bermula pada tahun 2002, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menempatkan seorang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) iaitu Ustazah Zuriati binti Sauta bagi memberi bimbingan kepada orang asli Kanaq di Kampung Sungai Selangi, Kota Tinggi (JAKOA, t.t).

1. Ibadah Solat

Penekanan utama adalah ibadah solat yang merupakan perkara wajib ditunaikan dalam Islam. Masyarakat orang asli Kanaq sentiasa diberikan tunjuk ajar dan bimbingan tentang cara-cara menunaikan solat yang sempurna melalui pelaksanaan secara berjemaah di surau kampung tersebut. Tok Batin akan diberi bimbingan dan tunjuk ajar oleh penggerak masyarakat supaya berkebolehan menjadi imam dan bilal. Di Kampung Sungai Selangi, solat berjemaah akan diketuai oleh Ustaz Ramadhan iaitu suami kepada penggerak masyarakat. Manakala azan akan dilayangkan oleh Tok Batin. Orang asli Kanaq juga banyak bergantung kepada pegawai masyarakat dalam mengatur kehidupan mereka. Oleh itu, menjadi kelaziman bagi pegawai masyarakat dan pendakwah untuk hadir dari rumah ke rumah bagi mengajak mereka menunaikan solat berjemaah di surau. Bagi solat Jumaat pula, masyarakat orang asli Kanaq akan menunaikan solat Jumaat di kampung berdekatan iaitu Masjid Mawai, Kota Tinggi (Noraini, 2019).

2. Amalan Puasa, Zakat dan Sambutan Hari Raya

Hanya sebahagian masyarakat orang asli Kanaq menjalani ibadah berpuasa ketika bulan Ramadan. Pengamalan ibadah puasa dilihat masih kurang kerana mereka masih belum dapat menyesuaikan diri dengan amalan baru ini serta kurangnya kekuatan untuk menahan diri daripada lapar dan dahaga. Mereka juga turut serta dalam majlis iftar yang diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan pejabat agama daerah. Walaupun sedikit culas dalam ibadah puasa, masyarakat orang asli Kanaq tetap membayar zakat fitrah. Lazimnya bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, orang asli Kanaq tidak memasak lauk pauk serta menunaikan solat sunat hari raya sebagaimana masyarakat Melayu. Namun, mereka akan berkunjung ke rumah penggerak masyarakat atau pegawai agama di Daerah Kota Tinggi sebagaimana yang disebutkan dalam temu bual bersama Zuriati dan Noraini (2019):

“Raya macam biasa (Meriah?), diorang boleh follow. Cuma raya dia tu (Sambutan hari raya ha..) rumah saya.. (Sambutan hari raya..) Raya pertama kedua (Sambutan hari raya..), dia ke rumah saya.. Telefon, Kak Ngah nak datang.. (Ha gitu je lah) (Oh..) Ha datang ya, nak masak-masak. Kalau dia buat sendiri, tak”.

3. Tuntutan Menutup Aurat

Sebelum menerima Islam, orang asli Kanaq tidak memakai pakaian yang sempurna, bahkan masih ada sesetengah kaum wanita yang berkemban sahaja. Selepas memeluk Islam terdapat beberapa perubahan cara hidup masyarakat orang asli di mana mereka telah mula berpakaian menutup aurat. Walaupun masih terdapat dalam kalangan mereka yang tidak bertudung, namun selepas mengikuti pelbagai program dakwah yang diatur oleh JAINJ dan sebagainya, sebahagian kaum wanita telah mula berjinak memakai tudung. Peranan pendakwah amat penting terutamanya dalam memberikan penerangan yang jelas tentang cara berpakaian yang sempurna ketika berada di luar rumah. Pegangan kaum wanita orang asli Kanaq dalam mengamalkan Islam sebagai cara hidup bertambah kukuh apabila mereka mendapat pendedahan tentang Islam ditambah pula dengan pemberian pelbagai insentif melalui sumbangan pakaian daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan (Noraini, 2019).

4. Taharah

Taharah atau kebersihan diri merupakan suatu tuntutan syarak kepada semua individu muslim. Dari aspek taharah, antara perkara yang ditekankan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) terhadap penjagaan kebersihan diri orang asli Kanaq melibatkan tatacara mandi wajib, perkara-perkara yang menyebabkan mandi wajib khususnya haid bagi golongan wanita. Kaum wanita orang asli Kanaq pula diberi pendedahan tentang kaedah bersuci sewaktu haid (Noraini, 2019). Masyarakat orang asli Kanaq telah diberikan pendedahan oleh pendakwah yang tinggal bersama mereka dengan melalui metode dakwah tertentu seperti penggunaan laras bahasa yang mudah difahami dan bahasa badan yang mudah dilihat oleh mereka. Walau bagaimanapun, kesungguhan individu untuk mempraktikkan amalan Islam secara menyeluruh dan mentaliti berfikir orang asli Kanaq menyebabkan isu kebersihan diri masih berada di takuk yang lama.

■ 5.0 KESIMPULAN

Keunikan yang dimiliki oleh orang asli Kanaq sebelum menganut agama Islam seperti adat budaya menyambut kelahiran anak, perkahwinan, pengurusan kematian dan sebagainya merupakan antara hak eksklusif yang diwariskan dari satu generasi ke generasi akan

datang. Namun selepas orang asli Kanaq menganut agama Islam, kebanyakan adat budaya yang bercanggah dengan syariat Islam ditinggalkan dan bertukar kepada pengamalan ajaran Islam yang sebenar. Bahkan terdapat perubahan positif dari sudut amalan Islam seperti kesedaran orang asli Kanaq untuk menutup aurat dan kepentingan membayar zakat fitrah setiap kali tibanya bulan Ramadan.

Walau bagaimanapun, kehidupan orang asli Kanaq yang jauh ketinggalan dalam semua bidang terutamanya aspek pengamalan beragama, memerlukan bantuan dan perhatian yang bersungguh-sungguh di samping meninggikan taraf hidup serta memperkenalkan ajaran Islam dalam kalangan mereka. Justeru, orang asli Kanaq memerlukan bimbingan secara terus daripada pendakwah yang sabar dan memahami kerenah serta sifat mereka. Ditambah lagi dengan pegangan tipikal animisme yang telah diwarisi turun temurun menjadikan masyarakat ini berada dalam dilema antara menukar cara hidup mereka secara keseluruhan atau menerima Islam yang masih bercampur baur dengan amalan animisme.

Rujukan

- Abdul Rahman, A. & Mustapha, R. (2020). *Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang*. *Islamiyyat* 42 (Isu Khas): 59-67.
- Abdul Rahman, H. (2018). World View Masyarakat Orang Asli dan Pelestarian Alam Sekitar. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM) 2018*.
- Abdul, O. (1978). *The Orang Kanaq of Southeastern Johor: A Preliminary Ethnography*. Pulau Pinang: School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad, N. & Borham, A. S. (2021). *Kepercayaan dan agama orang asli Kanaq*. Dlm. Wan Zahari, W. A. M., Saparudin, I. F. & Zainol, N. Z. N. (pnyt.). Satu Dalam Dunia: Menelusuri Masyarakat Islam Suku Kaum Kanaq, hlm. 16-30. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- al-Attas, S. M. N. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Masiri, A. W. (2006). *Mawsu'at al-Yahud wa al-Yahudiyyah wa al-Sahyuniyyat*. Kaheerah: Dar al-Shuruq.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Harvey, G. Graham Harvey. (2006). *Animism: Respecting the Living World*. New York: Columbia University Press.
- Isenin, S. (2020). Pegawai JAKOA Kota Tinggi. (12 Julai 2020). *Adat Budaya Masyarakat Orang Asli Kanaq* (Temu bual).
- Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). (2020). *Fungsi Utama Unit Ukhuwah*. <https://jainj.johor.gov.my/bahagian-unit/bahagian-dakwah/unit-ukhuwah/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2009). *Pelan Strategik 2009-2014*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kota Tinggi. (n.d.). *Sejarah Orang Asli Suku Kaum Kanaq dan Perkampungan Orang Asli Sungai Selangi Kota Tinggi*.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2011). *Mesyuarat Perancangan Kemajuan Orang Asli melalui Program Kerjasama JAKIM-JAKOA*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2018). *Statistik Agama Orang Asli di Negeri Johor*. <https://www.jakoa.gov.my/direktori/bahagian/jakoa-negeri-pahang/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2019). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marpuah, S., Wan Zahari, W. A. M., Zainol, N. Z. N., & Saparudin, I. F. (2021). *Menelusuri adat budaya kehidupan orang asli Kanaq di Sungai Selangi, Mawai, Kota Tinggi, Johor*. Dlm. Wan Zahari, W. A. M., Saparudin, I. F. & Zainol, N. Z. N. (pnyt.). Satu Dalam Dunia: Menelusuri Masyarakat Islam Suku Kaum Kanaq, hlm. 31-41. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Masron, T., Masami, F. & Ismail, N. (2013). Orang Asli in Peninsular Malaysia: Population, Spatial Distribution and Socio-Economic Condition. *Journal of Ritsumeikan Social Sciences and Humanities* 6: 75-115.
- Mohd. Sayuti, M. S., Awang Pawi, A. A. & Jamilah Omar, J. (2018). Community Restructuring and Sociocultural Interaction Identity of Orang Laut (Kuala) in the State of Johor. *SHS Web of Conferences*, 45 (06002).
- Muhamat @ Kawangit, R. (2003). *Dakwah Orang Asli: Suatu Pengalaman Pengislaman*. *Jurnal Kemanusiaan*, 1(1). Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).
- Musa, M. (2011). The Socioeconomic History of the Orang Kanaq of Johor. *Kajian Malaysia* 21(1): 47-74.
- Mustaffa, I., al-Zayyat, A. H., Abdul Qader, H. & al-Najar M. A. (2008). *Mu'jam al-Wasit*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy.
- Nasution, H. (1973). *Filsafat Mistisme dalam Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Noraini. (2019). Pembantu Tabika KEMAS Sungai Selangi. (20 Mac 2019). *Latar Belakang Masyarakat Kanaq* (Temu bual).
- Ramadhan. (2019). Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Daerah Kota Tinggi. (12 Julai 2020). *Sosial dan Hal Ehwal Islam Masyarakat Kanaq* (Temu bual).
- Sahad, M. N. (2001). *Pemikiran Orang Asli tentang Agama: Suatu Kajian Khusus di Perkampungan Orang Asli Broga, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Salleh, H. (2006). *The Encyclopedia of Malaysia: Peoples and Traditions*. Jil. 12. Singapura: Archipelago Press.
- Sauta, Z. (2019). Penggerak Masyarakat Orang Asli Sungai Selangi. (20 Mac 2019). *Latar Belakang Perkembangan Islam Orang Kanaq* (Temu bual).
- Shahidi A. H., Nor Shahid, N. A., Yusop, M. S., Maros, M. & Aman, R. (2018). Fenomena Sosiobudaya Orang Asli Kanaq dalam Penguasaan Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Social Sciences and Humanities (e-Bangi)*, 15 (5): 146-156.
- Sopher, D. E. (1965). *The Sea Nomads*. Kuala Lumpur: National Museum.
- Taylor, E. D. (1871). *Primitive Culture Researches into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*. London: John Murrey.
- 'Umar, A. A. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asarah*. T.t.: 'Alam al-Kutub.
- Wan Zahari, W. A. M., Saparudin, I. F. & Zainol, N. Z. N. (2021). *Satu Dalam Dunia: Menelusuri Masyarakat Islam Suku Kaum Kanaq*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yasin, M. M. (2005). *Penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Islam Malaysia: Kajian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Yusop, M. S. (2011). Ciri Leksikal Dialek Kanaq. *Jurnal Linguistik* 13(1): 1-21.